

SULIT
2611/1
Pendidikan Seni Visual
Kertas 1
NOV 2001
1 JAM

2611/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001
TINGKATAN 4

PENDIDIKAN SENI VISUAL

KERTAS 1

TEORI SENI

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak

(Lihat sebelah)
SULIT

Jawab semua soalan

1. Berdasarkan gambar rajah di bawah, manakah rupa yang dihasilkan dengan teknik tindanan?




A

B

C

D

2. Antara berikut yang manakah paling berkesan bagi mendapatkan kesan jalinan sentuh?
- A. Garisan
B. Semburan
C. Gosokan
D. Renjisan
3. Rangkaian warna yang manakah dapat memberi gambaran catan pemandangan tenang dan damai?
- A. Biru, hijau, coklat.
B. Merah hati, kuning, ungu.
C. Biru, hijau, merah.
D. Jingga, kuning, ungu.
4. Rajah di bawah menunjukkan riak di air. Apakah yang dapat digambarkan melalui pemerhatian anda?




- A. Pergerakan akibat pusaran air.
B. Gambaran tiupan angin kencang
C. Objek kecil jatuh ke dalam air.
D. Ikan menyambar mangsa.
5. Berikut ialah cara untuk menghasilkan garisan, melainkan....
- A. Merenjis warna di atas kertas.
B. Menggaris di permukaan papan.
C. Menyulam di permukaan kain
D. Mengoyak dan menampal di sesuatu permukaan.

6. Pilih pasangan yang tidak tepat, berkait dengan jalinan...

- A. Cermin → jalinan sentuh.
- B. Ukiran kayu → jalinan tampak.
- C. Batik → jalinan tampak.
- D. Permukaan duit syiling → jalinan sentuh

7. Antara berikut, rajah manakah menunjukkan struktur bentuk yang mempunyai satu permukaan?



A

B


C

D


8. Struktur formal merujuk kepada _____

- A. Struktur yang tidak mempunyai garisan tetap.
- B. Struktur yang berbentuk bebas dan wujud dengan tidak sengaja.
- C. Struktur yang mempunyai garisan panduan tertentu.
- D. Struktur grid untuk menghasilkan lukisan abstrak.

9. Reka corak dalam rajah M di bawah diasaskan daripada benda yang mempunyai struktur tidak formal. Gambar benda yang manakah boleh dikaitkan dengan reka corak tersebut?



M



10. Yang manakah antara berikut merupakan contoh alam semula jadi yang menggunakan struktur grid berpancaran?

- A. Ular berlingkar.
- B. Pusaran air.
- C. Bunga matahari.
- D. Kawah gunung berapi.

11. Pilih kenyataan yang betul tentang struktur pada bangunan...

- I. Struktur pada bangunan mengukuhkan binaannya.
- II. Struktur pada bangunan menimbulkan nilai estetika.
- III. Struktur pada bangunan memudahkan kerja pelukis pelan dan jurubina.
- IV. Struktur binaan hanya tujuan hiasan sahaja.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV

- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

12. Berdasarkan gambar rajah di bawah, manakah pernyataan yang tidak tepat tentang ruang belakang?



- I. Pandangan ruang belakang dihalang oleh sebatang pokok.
- II. Air merupakan gambaran tepat memperlihatkan ruang belakang.
- III. Ruang belakang merupakan fokus utama dalam lukisan di atas.
- IV. Ke semua jawapan di atas.

- A. I sahaja.
- B. I dan II


- C. II dan III
- D. IV sahaja.

13. Dalam gambar rajah di bawah, grid perspektif 1 titik lenyap telah digunakan. Pernyataan manakah yang benar mengenai ruang dalaman dalam gambar rajah tersebut?


- I. Ruang hadapan dan belakang menjadi besar.
- II. Ruang belakang kelihatan kecil.
- III. Ruang tengah lebih kecil dari ruang belakang.
- IV. Ruang hadapan merupakan ruang utama.

- A. I sahaja.
- B. I, II dan III.


- C. II dan IV.
- D. II sahaja.



14. Antara berikut yang manakah bertanggungjawab memasarkan dan memperkenalkan hasil kraf tempatan?
- I. Pasar Budaya.
 II. Persatuan Peniaga Tempatan.
 III. Perbadanan Kemajuan Perlancongan.
 IV. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- A. I, II dan III sahaja
 B. I, III dan IV sahaja.
 C. II, III dan IV sahaja.
 D. I, II, III dan IV.
15. Kebiasaannya jenis atap yang digunakan dalam reka bentuk Rumah Tradisional Melayu diperbuat daripada daun?
- A. Mengkuang.
 B. Kelapa.
 C. Rumbia.
 D. Palas.
16. Gambar rajah di bawah merupakan proses menekat benang emas. Bahagian manakah yang dipanggil loala?




- A. I
 B. II
 C. III
 D. IV




17. Antara alat di atas, yang manakah perlu digunakan dalam proses menghasilkan barangan kraf seni tembikar?
- A. I dan II.
 B. I dan IV.
 C. II dan III.
 D. III dan IV.

18. Bahagian yang tidak wujud pada rupa bentuk tikar ialah
- A. kepala
 B. ekor
 C. badan
 D. bucu

19. Daun mengkuang atau pandan perlu dilayur di atas bara api sehingga kekuningan-kuningan supaya....
- I. Lembut.
 - II. tahan lama.
 - III. Mudah membuang empulur dan duri.
 - IV. Mudah dijangka.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV



20. Alat dalam gambar rajah di atas digunakan dalam proses anyaman. Alat ini dinamakan _____ dan digunakan untuk _____ daun.
- A. jangka.....mengerat
 - B. golok.....membelah
 - C. jangka.....membelah
 - D. pisau.....mengerat
21. Apakah cara yang digunakan untuk menanggalkan kesan lilin pada kain batik?
- A. Membasuh dengan natrium silikat.
 - B. Membilas dengan air panas.
 - C. Merebus dengan air dan soda ash.
 - D. Membasuh dengan minyak tanah.




22. Alat yang dikenali sebagai penggelek ini hanya diperlukan dalam proses cetakan.
- I. Stensil
 - II. Litograf
 - III. Lino
 - IV. Blok kayu
 - V. Kolagraf
- A. I, II dan III.
 - B. I, III dan IV.
 - C. II, III dan IV.
 - D. III, IV dan V.

23. Mengapakah bahagian tepi cetakan tidak terlindung ?

- I. Supaya butiran pelukis dan tajuk karya dapat dilihat.
- II. Untuk menentukan nilai ketepatan pada cetakan.
- III. Untuk menunjukkan kemahiran pelukis memerhatikan kejituan dalam proses cetakan.
- IV. Supaya karya menjadi lebih kemas dan canggih.

- A. I dan II.
- B. II dan III.

- C. II, III dan IV.
- D. I, II, III dan IV.




24. Berdasarkan pembungkasaan cetakan di atas, karya cetakan ini merupakan cetakan yang ke berapa?

- A. Pertama
- B. Keempat

- C. 1/3
- D. Ketiga

25. Manakah gambar rajah di bawah ini merupakan bentuk?




26. Antara berikut, ciri pembungkusan yang manakah berfungsi memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pengguna?

- I. bentuk bungkusan.
- II. Logo syarikat

- III. Nama dan alamat pembuat.
- IV. Ilustrasi dan jenama.

- A. I dan II
- B. II dan III

- C. I, II dan IV
- D. I, III dan IV



27. Logo di atas dihasilkan oleh gabungan....

- A. Rupa-rupa organik.
- B. Rupa-rupa geometrik.
- C. Rupa organik dan rupa geometrik.
- D. Rupa huruf dan rupa organik.

28. Arca ialah salah satu hasil kerja seni yang berbentuk 3 dimensi. Apakah yang dimaksudkan dengan arca mobail?


- A. Arca yang diletak di sudut bilik.
- B. Arca yang dibina dan digantung.
- C. Arca yang dibuat daripada logam ringan.
- D. Arca yang dibuat menggunakan pelbagai bahan dan dipaterikan.

29. Dalam proses mengukir, pelbagai jenis alat dan bahan digunakan untuk melicinkan permukaan corak ukiran. Antara bahan yang digunakan ialah...

- I. kikir pari
- II. kertas pasir
- III. pisau wali
- IV. pahat
- V. daun mempelas

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, II dan IV
- D. II, III dan IV

30. Rupa segi empat tepat dalam rajah di bawah melambangkan blok bangunan. Lorong pejalan dibina untuk menyambungkan tiga blok bangunan itu. Antara A hingga D, yang manakah pembinaan lorong yang memberikan perjalanan yang selesa dan menarik?




31. Perkara yang berikut diperhatikan sewaktu menghasilkan lukisan...

- I. Komposisi
- II. Bentuk dan pencahayaan
- III. Perspektif
- IV. Campuran warna

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I, II dan III

32. Gambar rajah-gambar rajah di bawah merupakan belon-belon dialog dalam lukisan kartun. Manakah antara gambar rajah di bawah ini merupakan belon dialog semasa takut?




33. Semua pernyataan berikut adalah perbezaan utama antara kartun dengan komik kecuali :

- A. Kartun boleh dihasilkan dalam satu gambar.
- B. Kartun sangat mementingkan latar belakang gambar.
- C. Kartun boleh dilukis tanpa dialog.
- D. Kartun tidak mementingkan bentuk fizikal.

34. Hasil karya lukisan media ini perlu menggunakan bahan pematik warna supaya kemas, bersih dan menarik....

- I. Pen teknikal
 - II. Pensil
 - III. Arang
 - IV. Pastel
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV.
 - D. II, II dan IV



35. Gambar rajah di atas merupakan sudut pandangan sebuah....

- A. Bilik tamu.
- B. Bilik bacaan.
- C. Perpustakaan
- D. Bilik pejabat

36. Papan iklan yang baik mempunyai ciri-ciri...

- I. Keterbacaan
- II. Mudah difahami

- III. Saiz yang mudah dengan jarak penglihatan
- IV. Perkataan yang banyak

- A. I dan II
- B. III dan IV

- C. I, II dan III
- D. I, II dan IV



37. Gambar rajah di atas memberi maklumat tentang sukan Sea yang akan diadakan pada tahun 2001. Apakah jenis karya seni ini?

- A. Mural
- B. Iklan


- C. Risalah
- D. Poster

38. Antara tokoh kraf berikut, manakah tokoh yang terkenal dengan ukiran kayu yang halus dan bermutu?

- A. Latif bin Long
- B. Puan Hasnah bt. Mohd Amin

- C. Ngah bin Draman
- D. Hj. Awang bin Embong

39. Di dalam gambar rajah sarung keris di bawah, bahagian manakah yang diperbuat dari kayu kemuning?



- A. I
- B. II

- C. III
- D. IV

40. Kombinasi fakta yang manakah benar tentang Angkatan Pelukis Semenanjung?

- A. Idris Salam → Majlis Kesenian Melayu – 1956.
- B. Yong Mun Seng → Penang Art Teaching Circle – 1965.
- C. Mohd Hoessein Enas → Thursday Art Group – 1957.
- D. Tay Hooi Keat → Wenesday Art Group – 1963.